

MAHATHIR - DIKTATOR

KUCHING, 10 DIS <sup>1983</sup> (BERNAMA) - DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KEPENTINGAN RAKYAT TIDAK AKAN MENDAPAT SEBARANG PERHATIAN JIKA PEMERINTAHAN DIKTATOR WUJUD DI NEGARA INI.

"MALAH KERAJAAN DIKTATOR TIDAK AKAN MEMPERDULIKAN SAMA SEKALI SAMA ADA RAKYAT MENDAPAT SEBARANG NIKMAT," PERDANA MENTERI MENEGASKAN.

"PEMERINTAHAN RAJA MUTLAK JUGA DEMIKIAN. IA TIDAK AKAN MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA KEPENTINGAN RAKYAT," TAMBAHNYA.

BERUCAP DI MAJLIS MELETAKKAN BATU ASAS SEBUAH KOMPLEKS PERNIAGAAN DI SINI BELIAU BERKATA BAGAIMANAPUN DALAM SISTEM PEMERINTAHAN YANG WUJUD DI NEGARA INI SEKARANG, SATU SISTEM PENTADBIRAN YANG BETUL-BETUL BERSIMPATI DENGAN KEPENTINGAN DAN HASRAT TELAH DAPAT DIWUJUDKAN.

INI ADALAH KERANA SISTEM INI MEMBERI KUASA KEPADA RAKYAT MENERUSI PILIHANRAYA MEMBUAT PILIHAN PARLIMENNYA SENDIRI DENGAN NEGARA DIKETUAI OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG.

PADA PERINGKAT NEGERI PULA, SISTEM ITU MEMBERI KUASA KEPADA RAKYAT MEMBUAT PILIHAN DEWAN UNDANGAN NEGERINYA SENDIRI DENGAN NEGERI DIKETUAI OLEH RAJA-RAJA ATAU YANG DIPERTUA NEGERI. -- BERNAMA